

# PELITA BRUNEI



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI  
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 21 BILANGAN 26

RABU 30HB. JUN, 1976.

رجب 3 ربیع

PERCHUMA



## SUK MEMEREKA BARISAN KADET AMDB

SETIA Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar ketika memerkes barisan pasukan Kadet Askar Melayu Diraja Brunei di-Upachara Pembukaan Rasmi Hari Pelajar Sekolah2 Rendah dan Menengah Negeri Brunei 1976 yang telah di-adakan di-padang besar Bandar Seri Begawan pada hari Ahad 20hb Jun yang lalu.

Mengikuti di-belakang (terlindong Y. B. Setia Usaha Kerajaan) ia-lah Pemangku Pengarah Pelajaran, Awang Ahmad bin Haji Jumat.

## BANGSA YG BERHIMMAH TINGGI ADA-LAH YG DI-GALATI

BERAKAS.—Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menekankan bahawa ketinggian nilai sa-suatu bangsa itu tidak chukop disandarkan semata2 kapada kekuatan senjata atau kerana kegarangan-nya tetapi hendaklah di-sertai dengan keolahan dan sifat2 yang berhimmah tinggi.

"Unsur2 kegalatan yang berasaskan sifat2 galat-menggalati ada-lah mempunyai tempat yang tertentu dalam siku-liku kehidupan sa-suatu bangsa itu", jelas beliau.

Beruchap di-upachara perbarisan tamat latehan rekrut2 Askar Melayu Diraja Brunei di-Perkhemahan Bolkiah di-sini pada Jumaat lepas, beliau menekankan lagi bahawa kita di-Brunei mempunyai asas2 yang tersendiri yang tidak harus di-abaikan pada memelihara

Lihat muka 12

## PERSEKOLAHAN DLM. TAHUN TIGA PULOHAN

## SISTEM SAMAN LAHIRKAN KESEDARAN BERSEKOLAH

KAMPONG BUNUT.—Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail bersabda bahawa kalau dahulu-nya, orang2 kita pernah di-saman kerana tidak malu menghantar anak2 ka-sekolah, tetapi sekarang sistem saman sudah tidak ada lagi.

Sabda-nya, sekarang ini alhamdulillah, anak2 baru bukan sahaja kesemua-nya di-hantar ka-sekolah apabila umor mereka chukop bahkan mereka yang kurang umornya satu atau dua bulan pun di-pajalkan juga untuk di-sekolahkan.

Ini menunjukkan satu keinsafan yang tinggi nilai-nya untuk pembangunan bangsa dan negara, sabda Yang Amat Berhormat itu.


Bersabda ketika merasmikan bangunan baru Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut Brunei II, pada hari Ahad lepas,

Yang Amat Berhormat itu menguchapkan tahniah yang setinggi2-nya kapada ibubapa dan pendudok di-kawasan ini di-samping meyakinkan yang Kerajaan Baginda Yang Dipertuan akan sentiasa berusaha sa-chara yang boleh untok sama2 mengatasi masalah2 yang kita hadapi dalam bidang pelajaran.

"Pembinaan Sekolah Melayu Bendahara Sakam ini ada-lah salah satu daripada chontoh yang nyata membayangkan kerjasama yang di-berikan oleh pendudok2 di-sekeliling kawasan ini serta tenaga2 yang telah di-hulorkan dan kesabaran yang sentiasa di-pelihara dan di-asoh.

"Mudah2an apa juga kemudahan2 yang dapat di-sediakan oleh Kerajaan Baginda Yang Dipertuan itu akan dapat sedikit sa-banyak memenohi keperluan2 pen-

Lihat muka 12



Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bersabda sa-bulun merasmikan pembukaan bangunan baru Sekolah Melayu Bendahara Sakam.